

# Najib gesa industri, universiti teknikal jalin kerjasama

UM-1/7/2007.

PEKAN 30 Jun – Datuk Seri Najib Tun Razak mahu pihak industri dan universiti teknikal awam di negara ini menjalin kerjasama lebih erat dalam memastikan kurikulum universiti sentiasa relevan dan mengikut pasaran industri semasa.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pihak industri perlu dilibatkan dalam pembangunan kurikulum universiti supaya pelajar boleh menjalani latihan sambil bekerja berdasarkan keperluan pasaran terkini.

Beliau berkata, kerjasama sangat penting terutamanya dalam bidang teknikal, kejuruteraan serta komunikasi, teknologi dan maklumat (ICT) yang semakin berkembang pesat.

“Kurikulum apa yang difikirkan sesuai dan relevan, kadang kala timbul jurang (dari segi kursus), jadi perkara ini sedang diusahakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mewujudkan kerjasama lebih erat dengan pihak industri di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pelancaran pembinaan fasa pertama kampus tetap

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berharga RM161 juta di Kuala Pahang di sini hari ini.

Turut hadir Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yakob dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela.

Najib menjelaskan, UMP boleh menjalinkan kerjasama lebih luas bersama pihak industri dalam bidang-bidang yang relevan dan terkini dengan kursus yang ditawarkan.

Beliau berkata, dengan meletakkan mereka dalam program latihan sambil bekerja semasa masih di universiti lagi, para pelajar boleh menimba banyak pengalaman dan merasai suasana sebenar bidang yang relevan dengan kursus yang diambil.

Sementara itu, ketika menjawab soalan lain, Najib memberitahu, kerajaan menasarkankan 40 peratus pelajar mesti mendapat pendidikan tinggi bagi mencapai matlamat Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020.

Katanya, untuk itu, Kementerian Pengajian Tinggi sudah dipertang-

gungjawabkan untuk mencapai sasaran tersebut pada tahun 2010.

Ditanya langkah kerajaan mengatasi masalah pengangguran graduan, beliau berkata, kerajaan telah membuat beberapa langkah termasuk menyediakan latihan kepada siswazah terbabit serta mempercepatkan proses pelantikan kakitangan kerajaan untuk mengisi kekosongan jawatan di dalam sektor awam.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan turut berusaha mengembangkan ekonomi negara menerusi bidang pelaburan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tambahan kepada siswazah ICT.

Mengenai kampus tetap UMP pula, beliau berharap fasa pertama kampus tetap baru UMP itu dapat disiapkan mengikut jadual ditetapkan.

Sehubungan itu, beliau mahu kontraktor yang dipertanggungjawabkan memastikan mereka memulakan kerja dengan segera tanpa apa-apa alasan.

Beliau berkata, kerja-kerja permulaan kampus itu sewajarnya dimulakan dengan segera sebaik sahaja majlis pelancaran ini disempurnakan.